

**PENAWARAN KEMUDAHAN PENAJAAN/CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2019  
(PROGRAM KHAS IR 4.0)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk menawarkan Program Penajaan/Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bagi mengikuti pengajian berteraskan Revolusi Perindustrian (IR) 4.0 di peringkat pascasiswazah iaitu Ijazah Sarjana dan Kedoktoran secara sepenuh masa di Universiti Putra Malaysia bagi ambilan Tahun 2019.

Program IR 4.0 mengambil kira hasrat Kerajaan melalui inisiatif pendidikan bertaraf dunia dalam membangunkan bakat berkemahiran tinggi dalam mengharungi revolusi industri 4.0. Kursus ini akan dilaksanakan sepenuhnya di **Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia** dan kohort pertama dijangka akan bermula pada **September 2019**.

Sehubungan itu, PPP yang berminat dan berkelayakan adalah dinasihatkan untuk **meneliti dan memahami** setiap maklumat serta syarat-syarat yang ditetapkan sebelum memuat turun dan mengisi borang permohonan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan (BBP) **sebelum atau pada 21.06.2019 (Jumaat)**.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi 03- 8321 7100 atau 03- 8321 7087 untuk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
31 Mei 2019